



BULETIN

IPTG

INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO' BENTARA SETIA
Bil.3/1444H/2022

بوليتين

Pengurusan Ihtirafi
TUNJANG KESEJAHTERAAN

05

Fokus :
MENJAGA LIDAH &
TINGKAH LAKU

11

Artikel :
JANGAN BERTANGGUH
TAUBAT

16



Amanat Khas **32** *Tapun*

MENTERI BESAR KELANTAN

MEMBANGUN BERSAMA ISLAM



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Dan (ingatlah), Allah menciptakan langit dan bumi dengan cara yang sungguh layak dan ber hikmat (untuk membuktikan keesaanNya dan keadilanNya), dan supaya tiap-tiap diri diberi balasan dengan apa yang mereka telah kerjakan (baik atau jahat), sedang mereka tidak dikurangkan balasannya sedikitpun”. (al-Jathiya: 22)

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT selaku pentadbir, pencipta dan pemerintah sekalian alam kerana dengan limpah izinNya Buletin IPTG Bil. 03/2022 dapat diterbitkan.

Saya mengucapkan setinggi penghargaan kepada seluruh warga IPTG khususnya kepada pasukan sidang redaksi yang bertungkus lumus sehingga berjayanya terbit buletin edisi kali ini.

Kerajaan Negeri terus istiqamah dengan **Dasar Membangun Bersama Islam** yang berjaya meletakkan negeri Kelantan sebuah negeri yang dilimpahi **Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan**. Semoga buletin ini dapat menjadi salah satu saluran komunikasi untuk menyalurkan maklumat dan berita semasa kepada seluruh masyarakat terutamanya warga negeri Kelantan.

Semoga segala usaha yang dilakukan ini mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT.

Sekian, wassalam

- * **RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT ***
- * **MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN ***
- * **WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030***

**YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan
Dato' Haji Ahmad bin Yakob**
Menteri Besar Negeri Kelantan

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Tidakkah engkau memerhatikan, bahawa Allah SWT menurunkan hujan dari langit, lalu dialirkanNya menjadi mata air-mata air di bumi; kemudian Ia menumbuhkan dengan air itu tanaman-tanaman yang berbagai jenis dan warnanya; kemudian tanaman-tanaman itu bergerak segar (hingga ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatmu berupa kuning; kemudian Ia menjadikannya hancur bersepai? Sesungguhnya segala yang tersebut itu mengandungi peringatan yang menyedarkan orang-orang yang berakal sempurna.” (az-Zumar: 21)

Alhamdulillah segala puji kepada Allah SWT Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, para sahabat, keluarga serta seluruh pengikut Baginda.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada seluruh warga IPTG khususnya sidang redaksi penerbitan IPTG yang telah berjaya menerbitkan buletin edisi 03/2022 untuk kali ini. Tidak lupa juga kepada Unit Latihan & Unit Penyelidikan yang telah berjaya menerbitkan dua buah buku Edisi Kedua iaitu buku **“Asas Membangun Bersama Islam”** dan **“Infografik Membangun Bersama Islam”**. Buletin kali ini akan berkongsi pelbagai aktiviti dan program yang dijalankan oleh IPTG sepanjang Ogos hingga Disember 2022.

Akhir sekali, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dan sentiasa memberi sokongan dan kerjasama kepada warga IPTG. Semoga apa yang diberikan ini akan mendapat redha Allah SWT dan digantikan dengan yang jauh lebih baik dan melimpah.

Sekian, wassalam.



**YBhg. Dato' Dr. Johari Bin Mat
Pengarah**

Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia

SIDANG REDAKSI

Kalam
Menteri Besar

02

Kata
Penerbit

03

Sidang
Redaksi

04

Pengurusan Ihtirafi
TUNJANG
KESEJAHTERAAN

05

Amanat Khas
MENTERI BESAR
KELANTAN

07

Berita &
Aktiviti IPTG

08

Doa :
MEMOHON KEKUATAN
UNTUK BERSABAR

10

Fokus :
MENJAGA LIDAH &
TINGKAH LAKU

11

Hadis :
SIRI 4

12

Infografik :
JATA NEGERI
KELANTAN

13

Berita &
Aktiviti IPTG

14

Artikel :
JANGAN BERTANGGUH
TAUBAT

16

Pesan
TOK GURU

17

Sana-Sini
IPTG

18

Penaung

YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan
Dato' Haji Ahmad Bin Yakob

Penasihat

YBhg Dato' Dr. Johari Bin Mat

Penyelaras

Zulkipli Bin Mat Yusof

Penolong Penyelaras

Mohd Hafizi Bin Mahadi

Ketua Pengarang

Nurliyana Binti Ahmed

Sidang Pengarang

Norshafinaz Binti Nazaruddin

Editor

Ahmad Fathi Bin Yusof
Nabil Abqari Bin Zuhaidi
Siti Nur Amirah Bt Fauzi

Jurufoto

Muhammad Khairul Naim Bin Jazli
Wan Muhammad Faizat Bin Wan Mohd Sanusi

Reka Bentuk Grafik & Percetakan

AZKIA PRINTING
PT361, Aras Bawah,
Lembah Sireh (Belakang Tesco),
15050 Kota Bharu, Kelantan

Alamat Surat Menyurat:

**Institut Pemikiran Tok Guru
Dato' Bentara Setia**
Tingkat Bawah,
Blok Dewan Undangan Negeri Kelantan,
Kota Darulnaim, 15503 Kota Bharu, Kelantan.

***Buletin ini perlu dijaga dengan baik kerana mengandungi ayat al-Quran**

Pengurusan Ihtirafi

TUNJANG

KESEJAHTERAAN

BAHAGIAN II

Antara ciri-ciri pengurusan ihtirafi ialah:

i. Hawariyyun

Pendukung kepada perjuangan yang suci



Hawariyyun wajib bertindak sebagai penyokong dan pendukung kuat yang taat setia tanpa berbelah bahagi kepada perjuangan suci yang menjulang dustur Ilahi dengan melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan komited.

Penjawat awam hendaklah memberi sepenuh ketaatan dan kesetiaan kepada kerajaan yang memerintah selama mana ia mengikut syariat Islam. Di samping turut menjadi penasihat terbaik kepada saf kepimpinan Kerajaan Negeri Kelantan dalam melaksanakan dasar dan program kepada rakyat.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Maka ketika Nabi Isa merasa (serta mengetahui dengan yakin) akan kekufuran dari mereka (kaum Yahudi), berkatalah ia:” Siapakah penolong-penolongku (dalam perjalananku) kepada Allah (dengan menegakkan agamaNya)?”. Orang-orang “Hawariyyun” (Penyokong-penyokong Nabi Isa) berkata: “Kamilah penolong-penolong (utusan) Allah. Kami telah beriman kepada Allah, dan saksikanlah (wahai Nabi Allah) sesungguhnya kami ialah orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)”. (ali Imran: 52)

ii. Kafa'ah Pekerti mulia dan integriti sebagai asas

Kafa'ah di mana sahsiah dan personaliti menjadi aset yang saling berhubungkait. Sebagai penjawat awam, sudah tentu banyak berurusan dengan masyarakat. Maka kita perlu memberi khidmat dengan penuh tanggungjawab, dedikasi, sopan dan terbaik kepada masyarakat. Begitu juga, hendaklah sentiasa merendah diri walaupun mempunyai pangkat dan kedudukan yang tinggi. Oleh itu, khidmat bakti kepada masyarakat dengan penuh ikhlas adalah sebahagian daripada amal soleh iaitu yang termasuk dalam **hablum minallah hablum minannas** (hubungan dengan Allah SWT dan hubungan dengan manusia). Walau sesibuk mana sekalipun, jangan mengabaikan tugas kita kepada Allah SWT.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat". (an-Nisa': 58) ■





Amanat Khas

MENTERI BESAR KELANTAN

SEMPENA 32 TAHUN PENTADBIRAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM



Pada 08 Rabiul Akhir 1444H bersamaan 01 November 2022 telah berlangsungnya Majlis Amanat Khas yang disampaikan oleh Menteri Besar Kelantan, YAB Ustaz Dato' Haji Ahmad Bin Yakob. Majlis ini diadakan di Dewan Jamuan Utama Kompleks Kota Darul Naim dan dihadiri oleh penjawat awam negeri Kelantan.

Beliau merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua penjawat awam yang memberikan komitmen tinggi menghadiri majlis yang penuh bermakna dan bersejarah itu. Majlis ini sangat istimewa kerana julung kalinya diadakan bersempena sambutan 32 Tahun Pentadbiran Membangun Bersama Islam yang bertemakan **"Kelantan Maju Rakyat Sejahtera"**.



Alhamdulillah, beliau sangat bersyukur kerana kepimpinan Kerajaan Negeri terus diberi kepercayaan oleh rakyat Kelantan dalam mengekalkan sebuah kerajaan berintegriti dan sifar rasuah.

Oleh itu, seluruh rakyat Kelantan teguh dan terus istiqamah mempertahankan dasar ini atas sebab keyakinan mereka terhadap sebuah pentadbiran bersih dan stabil di bawah dasar Membangun Bersama Islam. Banyak kejayaan yang telah dilakukan oleh kerana meletakkan pentadbiran ini dan telah mencapai 32 tahun kegemilangannya dalam menjulang syiar Islam, memakmurkan negeri dan membela kebajikan rakyat.



Di akhir ucapan, beliau berdoa semoga Allah sentiasa memelihara Kerajaan Negeri agar sentiasa berjalan di atas paksi keredaan-Nya. Beliau sekali lagi merakamkan terima kasih kepada seluruh jentera kerajaan yang telah memberi khidmat berterusan kepada pembangunan negeri dan kesejahteraan rakyat Kelantan. ■

Kursus Kefahaman **DASAR MBI PERINGKAT DUN**



22 Muharam 1444H / 20 Ogos 2022 (Sabtu)
DUN Kok Lanas

Masa : 8.00 pagi – 1.00 tengahari
Tempat : Dewan Akademi Kepimpinan Pemuda Kok Lanas
Peserta : 120 orang



29 Safar 1444H / 26 September 2022 (Isnin)
DUN Dabong

Masa : 8.00 pagi – 1.00 tengahari
Tempat : Bilik Mesyuarat Surau Hijau Gua Ikan, Dabong
Peserta : 100 orang



30 Safar 1444H / 27 September 2022 (Selasa)
DUN Jelawat

Masa : 9.00 malam – 11.00 malam
Tempat : Masjid Panchor Jelawat
Peserta : 150 orang



13 Rabiul Awal 1444H
10 Oktober 2022

PROGRAM PEMANTAPAN KEFAHAMAN DASAR MEMBANGUN BERSAMA ISLAM (MBI) KEPADA PENGURUSAN TERTINGGI PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KELANTAN

Program Pemantapan Kefahaman Dasar MBI kepada Pengurusan Tertinggi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan diadakan di Dewan Bunga Teratai, Kota Darulnaim telah berjaya dianjurkan oleh Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) dengan kerjasama Bahagian Kerajaan Tempatan. Seramai 100 orang pihak pengurusan tertinggi telah menghadiri program tersebut.



25 Rabiul Awal 1444H
25 Oktober 2022

PROGRAM PEMANTAPAN KEFAHAMAN DASAR MEMBANGUN BERSAMA ISLAM (MBI) KEPADA AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KELANTAN

Program Pemantapan Kefahaman Dasar MBI Kepada Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan diadakan H-Elite Design Hotel telah berjaya dianjurkan oleh Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) dengan kerjasama Bahagian Kerajaan Tempatan ini disempurnakan Perasmian Penutupan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Mohd Amar Abdullah.

Turut hadir ialah YB Dr. Izani Husin, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan Dan Kesihatan, Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan YB Dato' Abdullah Yakub dan Pengarah IPTG Dato' Dr Johari Mat. Seramai 150 orang Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan negeri Kelantan hadir ke program tersebut.



25 Rabiul Awal 1444H
25 Oktober 2022

KELAS PENGAJIAN TAFALAH FIDDIRIN TAHUN 2022

Program Kelas Pengajian Tafalah Fiddin telah disambung semula dan ia merupakan suatu program kerjasama di antara pihak Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK).

Kursus telah dilaksanakan di 4 zon, iaitu:

ZON	TEMPAT	PESERTA
1	Pejabat Agama Jajahan Kota Bharu	Kota Bharu, Ketereh, Pengkalan Chepa, Tumpat
2	KIAS	Bachok, Pasir Puteh, Kubang Kerian
3	Pejabat Agama Jajahan Tanah Merah	Pasir Mas, Jeli, Tanah Merah, Rantau Panjang
4	Pejabat Agama Jajahan Kuala Krai	Gua Musang, Kuala Krai, Machang

Pihak IPTG diminta memberi sumbangan dari segi kelas teknik-teknik pengajaran dan penyampaian berkesan serta penguatkuasaan awam. IPTG juga mempunyai kaedah tersendiri dalam pengajian seperti kuliah, tutorial dan perbincangan serta penilaian (peperiksaan).



Doa

MEMOHON KEKUATAN UNTUK BERSABAR

رَبَّنَا أفرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَتَوَفَّنَا مُسْلِمِينَ ﴿١٢٦﴾

Maksudnya: “Wahai Tuhan kami, limpahkanlah kesabaran kepada kami, dan matikanlah kami dalam keadaan Islam (berserah bulat-bulat kepadaMu)”. (al-‘Araf: 126)

Sabar merupakan salah satu sifat mulia yang dicintai oleh Allah SWT. Kefahaman tentang kesabaran perlu difahami oleh semua orang. Sudah tentu sikap ini harus diterapkan dalam kehidupan seharian. Sabar adalah sikap yang sangat penting dalam menangani emosi dan boleh dipupuk dari semasa ke semasa.

Orang yang paling banyak diuji adalah orang yang paling Allah SWT kasihi. Ujian itu mengikut kesabaran. Sabar juga ada jenis-jenisnya, antaranya ialah:

1. Sabar dalam mentaati Allah SWT dan rasul.
2. Sabar untuk tidak melakukan perkara yang dilarang oleh Allah SWT dan rasul.
3. Sabar dalam menerima ujian yang susah.
4. Syukur dan sabar terhadap kesenangan yang diberikan oleh Allah SWT dengan tidak mengingkari nikmatnya.

Sabar adalah kunci dalam menyelesaikan masalah hidup. Semakin hebat ujian dan orang paling bersabar adalah para nabi. Semakin tinggi tahap kesabaran seseorang, semakin bersedia untuk menghadapi sesuatu masalah. Orang yang sabar ialah orang yang mempunyai nilai tinggi dalam kehidupan dan persekitarannya.

Setiap ujian manusia itu berbeza diantara satu sama lain maka dengan kita bersabar dan yakin kepada Allah SWT, ia menjadikan seorang hamba itu lebih redha menangani setiap masalah yang dihadapi. Oleh itu, jadilah orang yang sentiasa bersabar dan bersyukur walau sekecil mana nikmat yang kita miliki. ■

Menjaga LIDAH & TINGKAH LAKU

Islam sering memperingatkan kepada manusia supaya menjaga dan memelihara lidah serta tingkah laku dengan baik. Daripada Abu Hurairah RA katanya, Rasulullah SAW bersabda: *“Amal yang paling banyak memasukkan manusia ke syurga ialah taqwa kepada Allah SWT dan akhlak yang baik.”* Baginda ditanya lagi, *“Apa penyebab banyak manusia masuk neraka?”* Rasulullah SAW menjawab, *“Mulut dan kemaluan.”* (HR Tarmizi)

Kemampuan berbicara adalah satu kelebihan yang Allah SWT berikan kepada manusia untuk berkomunikasi dan menyampaikan keinginan-keinginannya. Ungkapan yang keluar dari mulut manusia berbentuk ucapan baik, kata-kata buruk, kejian, pujian dan sebagainya yang akan membawa kepada syurga dan neraka. Ini semua berpunca daripada satu anggota yang kecil dan tersembunyi iaitu lidah.

Sesungguhnya anggota yang bernama lidah itu merupakan anggota yang paling akhir berfungsi bagi seorang bayi melalui kebolehan berkata-kata. Namun begitu, lidah ini menjadi antara anggota manusia yang paling awal hancur setelah dikebumikan. Begitulah percaturan hidup lidah manusia bagi menunjukkan betapa ia perlu dijaga dengan baik dan sebagai tanda kasih sayang Allah SWT kepada hambaNya.

Dalam riwayat yang lain, daripada Abu Hurairah RA, daripada Nabi Muhammad SAW bersabda: *“Barangsiapa yang beriman kepada Allah SWT dan Hari Akhirat maka hendaklah dia berkata baik ataupun diam.”* (HR Bukhari dan Muslim)

Rasulullah SAW kaitkan hadis ini dengan rukun iman yang paling tinggi iaitu beriman kepada Allah menerusi sabdanya: *“Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat...”*. Ia membuktikan betapa besarnya tanggungjawab menjaga lidah sehinggakan diberi peringatan jika tidak ada sebarang keperluan untuk berkata-kata, diam adalah jalan yang terbaik.

Imam Ghazali ada menggariskan kegunaan lidah buat manusia iaitu untuk berzikir mengingati Allah SWT, membaca al-Quran, berselawat, memberi nasihat dan apa-apa sahaja yang membawa kepada kebaikan dan manfaat bagi orang ramai. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *“Daripada baiknya Islam yang ada pada seseorang iaitu antara tanda seseorang muslim itu memiliki akhlak yang baik, adalah dengan meninggalkan apa yang tidak ada kaitan dengannya”.*

Oleh itu, tinggalkan daripada memperkatakan sesuatu yang tiada kaitan dengan diri kita atau tidak mahir tentangnya. Sesungguhnya tidak ada satu pun perkataan yang terzhahir terlepas daripada catatan Allah SWT sebagaimana firmanNya yang bermaksud: *“Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada disisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menuliskan).”* (Qaf: 18)

Sesungguhnya bukan sahaja perkataan malah perbuatan yang menamsilkan perkataan seperti jari-jemari juga tidak lari dari pandangan Allah SWT, catatan malaikat yang taat dan pertimbangan neraca Allah SWT di akhirat kelak yang akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada diri. ■

عَنْ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ النُّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "إِنَّ الْحَلَالَ بَيِّنٌ، وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ، وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ فَقَدْ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعَرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ، كَالرَّاعِي يَرَعَى حَوْلَ الْحِمَى يُوشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيهِ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمَى، أَلَا وَإِنَّ حِمَى اللَّهِ مَحَارِمُهُ، أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ".

HADIS

SIRI 4

Maksudnya: Daripada Abu Abdullah al-Nu'man ibn Basyir R.A. beliau berkata: Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya perkara yang halal itu jelas, dan sesungguhnya perkara yang haram itu jelas, dan diantara kedua perkara tersebut ada perkara-perkara syubhah (kesamaran) yang kebanyakan orang tidak mengetahuinya. Barangsiapa yang menjaga (menjauhi) perkara syubhah maka sesungguhnya dia telah membersihkan agamanya dan maruah dirinya. Dan barangsiapa yang terjatuh dalam perkara syubhah, maka dia telah jatuh dalam perkara haram, umpama seorang pengembala yang mengembala di sekeliling kawasan larangan, dibimbangi dia akan menceroboh masuk ke dalamnya. Ketahuilah bahawa setiap raja ada sempadan dan sesungguhnya sempadan Allah itu ialah perkara-perkara yang diharamkanNya. Ketahuilah bahawa dalam setiap jasad itu ada seketul daging yang apabila ia baik maka baiklah seluruh jasad dan apabila ia rosak, maka rosaklah seluruh jasad. Ketahuilah ia adalah hati." (HR Bukhari)

Pengajaran hadis

- i. Seseorang mukmin mestilah mengetahui perkara halal dan melakukannya serta mengetahui dan meninggalkan yang haram demi menjaga kemuliaan agamanya.
- ii. Perkara yang belum jelas halal haramnya adalah perkara syubhah yang mesti dijauhi demi menjaga maruah diri dan kesucian agama.

- iii. Hati merupakan raja segala anggota yang mesti dijaga kebersihannya dengan melakukan ketaatan kepada Allah dan meninggalkan maksiat. Apabila baiknya hati maka baiklah seluruh anggota badan yang lain dan begitulah sebaliknya. ■

Kenali

Jata Kelantan



Mahkota Kedaulatan Negeri Kelantan



Bulan & Bintang Islam Agama Rasmi Kelantan




Kijang Tanda Ingatan Kepada Che Siti Wan Kembang Pemerintah Kelantan Yang Menyukai Kijang



Keris & Lembing Kekuatan Orang Melayu Kelantan



Gendang Bersedia Mempertahan Diri Dari Sebarang Ancaman



Berserah Kepada Tuhan Kerajaan Kelantan
 Dipercayai Diinspirasi Daripada Dinar Emas Kelantan Bertarikh 577H.
 Muka 1 Bertulis : 'Al-Julus Kelantan'
 Bermaksud : Yang Berkerajaan Di Kelantan
 Muka 2 Bertulis : 'Al-Mutawakkil Ala Allah'
 Bermaksud : Yang Berserah Kepada Allah



PENERBITAN BUKU IPTG

IPTG telah mencetak dua buah buku edisi kedua iaitu **“Asas Memahami Membangun Bersama Islam- Ubudiyah’, Mas’uliyah, dan Itqan”** dan sebuah lagi iaitu **“Infografik Membangun Bersama Islam”**. Sebanyak 5000 naskah bagi setiap tajuk telah dicetak dan telah diedarkan kepada seluruh pejabat agensi kerajaan, Halaqat dan juga diedarkan kepada orang awam semasa program-program Dun.



Penyiaran ONLINE

SEPANJANG BULAN OGOS-NOVEMBER 2022



Penyiaran slot **IPTG@Podcast Bare Kena Tahu** terus bersiaran tetap pada setiap hari Ahad bagi setiap minggu bersama panel tetap, Ustaz Mohamad Bin Mustafa dan YBhg. Dato' Dr. Johari Mat sebagai pengantara. Pelbagai tajuk berkaitan isu semasa dalam bulan Islam telah dibincangkan dalam slot tersebut.



Penyiaran slot **Pagi@IPTG** terus bersiaran sepanjang hari dari bulan Mei hingga Ogos. Bermula 1 September kuliah disiarkan secara langsung pada setiap hari Isnin bagi setiap pengkuliah. Jadual terbaru bagi siaran sebagaimana dalam lampiran.



Penyiaran slot **Membangun Bersama Islam (MBI)** juga masih bersiaran setiap hari Selasa pada jam 9.30 pagi oleh YBhg. Dato' Johari Mat. Bermula 01 September, slot ini telah berubah kaedah persembahannya iaitu kami telah menampilkan seorang pengantara bersama dengan YBhg. Dato'. Program sebelum ini kita tampilkan panel secara solo dan kini berbentuk bual bicara. Pada masa akan datang, kami akan bawakan panel-panel jemputan yang akan berkongsi pelbagai pengalaman dengan masyarakat berkaitan dengan dasar yang telah diperkenalkan oleh Tok Guru pada ketika dulu dan masih diperkasakan di negeri kita sehingga kini.

Setiap insan tidak pernah sunyi daripada melakukan kesilapan dan melakukan dosa sama ada dosa kecil mahupun dosa besar sehinggalah mereka dianjurkan supaya sentiasa bertaubat. Taubat adalah kembali taat kepada Allah SWT dan menyesal bersungguh-sungguh terhadap dosa yang dilakukan serta memohon keampunan kepada Allah SWT dan berazam tidak akan melakukan kesalahan tersebut pada masa akan datang.

Firman Allah SWT yang bermaksud: *“Wahai orang yang beriman, bertaubatlah kamu kepada Allah SWT dengan taubat nasuha”*. (at-Tahrim: 8)

Manakala sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Setiap anak Adam pasti sering melakukan dosa dan kesalahan, dan sebaik-baik orang yang berdosa adalah orang yang rajin bertaubat.”* (HR Tarmizi dan Ibnu Majah)

Justeru itu, setiap manusia dianjurkan untuk sentiasa bertaubat. Dalam tuntutan bertaubat ini, seseorang itu diperlukan untuk berasa berdosa di atas kesilapan yang dilakukan. Hukum bertaubat adalah wajib sama ada dosa kepada Allah SWT mahupun dosa sesama manusia. Jika dosa itu berkaitan dengan manusia, hendaklah meminta maaf daripada manusia terbabit. Sekiranya dosa berkaitan dengan harta benda, hendaklah dikembalikan harta tersebut kepada tuannya.

Bertaubat kepada Allah SWT hendaklah dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan hati yang ikhlas kerana taubat yang tiada keikhlasan tidak mendatangkan apa-apa kesan terhadap individu terbabit. Taubat yang terbaik adalah taubat yang penuh penyesalan, keinsafan dan rasa rendah diri kepada Allah SWT.

Islam telah menggariskan cara-cara memohon keampunan dan rahmat Allah SWT iaitu:

1. Menyesal, menginsafi & berazam tidak akan mengulangi dosa yang telah dilakukannya.
2. Beristighfar memohon keampunan Allah SWT.
3. Beramal kebajikan.
4. Mensyukuri nikmat Allah SWT.
5. Berdoa memohon kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

JANGAN

BERTANGGUH TAUBAT



Oleh itu, manusia dianjurkan supaya selalu bertaubat adalah bertujuan untuk:

1. **Memelihara diri yang suci dari dosa terutama pada hari perhitungan di akhirat kelak.**
2. **Ibadat yang dilakukan diterima Allah SWT.**
3. **Dapat mengerjakan ibadat dengan sempurna.**
4. **Mendapat balasan yang baik pada hari akhirat.**
5. **Mendapat petunjuk dan hidayah daripada Allah SWT.**
6. **Jiwa dan perasaan tenang.**

Dalam konteks kita sebagai penjawat awam dan seluruh masyarakat, hendaklah kita sentiasa memperbaiki diri dan menambah pengetahuan dengan ilmu agama untuk meningkatkan integriti dan ketaqwaan kepada Allah SWT. Oleh itu, umat Islam seharusnya menggunakan masa sebaik mungkin untuk menjadi seorang hamba yang berjaya di dunia dan di akhirat. ■



Pesan TOK GURU

“

AKHIRAT

“Kita hidup di dunia ini bukan setakat nak hidup sahaja tetapi nak hidup biar sampai ke akhirat. Kita bekerja biar sampai ke akhirat, kita bertani biar sampai ke akhirat bahkan kita berpolitik biar sampai ke akhirat. Macam mana nak sampai ke akhirat, kalau semasa kita buat kerja ni tak pernah fikir tentang akhirat?”

Sentiasalah kita membaca doa ini:

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾

Maksudnya: "Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka".
(al-Baqarah: 201)

”

“

PERATURAN

“Allah SWT telah gariskan segala peraturan untuk kita patuhi di dunia dan ganjarannya akan diberikan di akhirat hanya jika peraturan itu dipatuhi. Sebagaimana kita mengupah tukang rumah untuk bina rumah, kita sudah sediakan pelan seperti yang kita kehendaki. Jika tukang rumah tidak buat sebagaimana pelan yang disediakan, kita tidak akan bayar. Begitu juga Allah SWT, bagaimana Allah SWT nak 'bayar' kita dengan ganjaran jika kita tidak patuh pada pelan Allah?”

اللَّهُمَّ اعْنِي عَلَيَّ ذِكْرَكَ وَشُكْرَكَ وَحُسْنَ عِبَادَتِكَ

Maksudnya: Ya Allah, bantulah aku untuk mengingatiMu, bersyukur atas segala nikmatMu dan memperelokkan ibadah kepadaMu. (HR Ahmad)

”



4 OGOS 2022
6 MUHARRAM 1444H

Kunjungan hormat alumni Universiti Islam Madinah ke Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG).



10 OGOS 2022
12 MUHARRAM 1444H

Kunjungan hormat Pusat Pemikiran Keamanan dan Kesejahteraan Insan (PEMIKIR), Fakulti Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) ke Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG).



28 OGOS 2022
30 MUHARRAM 1444H

Kunjungan hormat Prof. Dr. Abd Al Fattah El Awaisi bersama NGO HALUAN negeri Kelantan ke IPTG. Yang Dipertua dan beberapa Wakil Pertubuhan Himpunan Lepasn Institusi Pendidikan Malaysia (HALUAN) telah mengadakan kunjungan hormat ke Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG).



6 SEPTEMBER 2022
9 SAFAR 1444H

Rombongan pelajar dari Sekolah Pondok dan Tahfiz Tuan Guru Hj Husin Umbai Merlimau Melaka seramai 110 orang ke Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) yang bertujuan untuk mendedahkan pelajar dengan ilmu pengetahuan dan mengenali lebih dekat lagi kepimpinan Ulama' Nusantara, almarhum Dato' Bentara Setia Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat yang pernah mentadbir Kerajaan Negeri Kelantan selama 23 tahun. Pameran Tok Guru diadakan di Kediaman Rasmi Menteri Besar Kelantan.



7 SEPTEMBER 2022
10 SAFAR 1444H

Pemikiran Keamanan dan Kesejahteraan Insan, Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan dan Institut Pemikiran Tok Guru (IPTG) mengadakan sesi perbincangan susulan berkenaan Penyediaan Model Pemikiran Tok Guru di Bilik Mesyuarat Tok Kenali, FBI UMK Bachok.



10 SEPTEMBER 2022
13 SAFAR 1444H

Pameran Galeri Tok Guru di Dewan Terbuka Kompleks Sukan Majlis Daerah Dabong, Kuala Krai bersempena Program Cakna Rakyat Dun Dabong.



10 SEPTEMBER 2022
13 SAFAR 1444H

Pameran Galeri Tok Guru di Dataran Wisma Purnama, Pengkalan Chepa bersempena Program Cakna Rakyat Dun Pengkalan Chepa.



10 SEPTEMBER 2022
13 SAFAR 1444H

Pameran Galeri Tok Guru Padang Sultan Ismail College (SIC) sempena Program Cakna Rakyat Dun Bunut Payong.



17 SEPTEMBER 2022
20 SAFAR 1444H

Pameran Tok Guru sempena Karnival Cakna Rakyat "Semerak di Hati" yang diadakan di Dataran Bahtera, Tok Bali.



24 SEPTEMBER 2022
27 SAFAR 1444H

Pameran Tok Guru di Pasar Tok Kenali, Simpang 4 Binjai bersempena Program Cakna Rakyat Dun Demit.



13-15 OKTOBER 2022
16-17 RABIUL AWAL 1444H

Pameran Galeri Tok Guru sempena Karnival Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KETSA) di Platinum Mall, Lembah Sirih, Kota Bharu.



20-21 OKTOBER 2022
23-24 RABIUL AWAL 1444H

Pameran Tok Guru sempena Majlis Sambutan 32 Tahun Pentadbiran Membangun Bersama Islam di Dataran Warisan Stadium Sultan Muhammad IV.



28 OKTOBER 2022
2 RABIUL AKHIR 1444H

Pameran Galeri Tok Guru bersempena Majlis Malam Selebriti & Anak Seni bersama Pimpinan Kerajaan Negeri Kelantan telah diadakan di Hotel Le Meridien, Putrajaya.



29 OKTOBER 2022
3 RABIUL AKHIR 1444H

Pameran Tok Guru sempena Karnival Anak Kelantan di Perantauan 2022 bertempat di Bangi Convention Centre.



11 DISEMBER 2022
16 JAMADIL AWAL 1444H

Lawatan dari Unit Audit Dalam, Jabatan Premier Sarawak & Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak ke Institut Pemikiran Tok Guru (IPTG).

سلامت میمبوت
تاهون بهارو

Selamat Menyambut
TAHUN BAHARU

2023

ikhlas daripada

**INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU
DATO' BENTARA SETIA - IPTG**